

KHUTBAH JUMAAT

" TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI TONGGAK PERPADUAN RAKYAT"

(2 Februari 2024M/ 21 Rejab 1445H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ
عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ .
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Takwa dan iman adalah pelita yang menyinari hati dan kalbu kita, memimpin ke jalan yang benar, memenuhi jiwa dengan kebaikan dan rahmah, menghakis sifat yang buruk dalam hati dan menggantikan kebencian dengan kasih sayang, memandu ke arah kesejahteraan dan keamanan, di dunia dan di akhirat. Justeru, marilah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan dengan menunaikan perintah dan menjauhi tegahan Allah *subhanahu wata'ala*. Mudah-mudahan kita menjadi umat yang terbaik, mampu menjadi contoh dan ikutan umat-umat yang lain.

Marilah kita menumpukan perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan. Cukup-cukuplah kita dengan perbuatan-perbuatan yang boleh menghilangkan ganjaran pahala Jumaat. Usah bercakap-

cakap, simpanlah telefon bimbit untuk seketika. Semoga khutbah yang disampaikan dapat diambil panduan dan pesanannya. Bersempena dengan pelantikan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak Kelapan, izinkan khatib untuk membawa hati dan jiwa sekalian yang hadir, menghayati khutbah yang bertajuk: **“Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Tonggak Perpaduan Rakyat”**.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sebagai rakyat Sarawak yang cintakan negeri dan negara, kita tentunya mengimpikan negeri dan negara kita terus membangun, maju, berdaya saing, harmoni dan seterusnya menjadi contoh kepada negara-negara lain. Keamanan dan keharmonian antara kaum semestinya menjadi faktor yang sangat penting kepada negeri kita untuk mencapai kemajuan yang seimbang dalam pelbagai aspek seperti ekonomi, sosial, budaya, pendidikan dan sebagainya. Justeru, kewujudan kepimpinan negeri mestilah menjadi keutamaan dalam memastikan keseimbangan tersebut akan terus terpelihara. Firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam Surah as-Sajdah, ayat 24:

وَجَعَلْنَا مِنْهُمْ أَئِمَّةً يَهْدُونَ بِأَمْرِنَا لَمَّا صَبَرُوا ۖ وَكَانُوا بِآيَاتِنَا يُوقِنُونَ (٢٤)

Maksudnya: *Dan Kami jadikan dari kalangan mereka beberapa pemimpin, yang membimbing kaum masing-masing kepada hukum agama Kami, selama mereka bersikap sabar (dalam menjalankan tugas itu) serta mereka tetap yakin akan ayat-ayat keterangan Kami.*

Imam Ibn Kathir *rahimahullah* dalam menafsirkan ayat tadi, menyatakan di dalam kitab tafsirnya bahawa :

“Ketika mereka sabar dalam melaksanakan perintah-perintah Allah dan menjauhi larangan-larangan-Nya, membenarkan para Rasul-Nya dan mengikuti risalah yang diberikan kepada mereka, nescaya mereka menjadi pemimpin-pemimpin yang memberi petunjuk kepada kebenaran dengan perintah Allah, mengajak kepada kebaikan, memerintahkan yang makruf dan melarang kemungkaran.”

Setiap pemimpin seharusnya menjadi contoh dan tauladan kepada masyarakat. Saidina Umar bin al-Khattab *radiallahu anhu* pernah menyatakan bahawa “manusia mengikuti cara hidup pemimpinnya”. Kata-kata tersebut menepati realiti kehidupan kebanyakan masyarakat. Justeru, dengan adanya pemimpin yang menjadi suri teladan, maka sudah tentu dia akan memberi kesan yang mendalam kepada cara hidup masyarakat.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Al-Quran ada menggambarkan kepada kita tentang sikap kepimpinan yang ada pada Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* sebagai contoh teladan kepada kita sebagai seorang pemimpin. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah at-Taubah, ayat 128:

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ
بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ (١٢٨)

Maksudnya: *Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri (yaitu Nabi Muhammad sallallahu alaihi wasallam), yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat tamak (inginkan) kebaikan bagi kamu, (dan) ia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayang kepada orang yang beriman.*

Menerusi ayat tadi, Allah *subhanahu wata'ala* menggambarkan hal keadaan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* sebagai seorang pemimpin melalui empat perkara:

Pertama : Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* adalah seorang nabi dan rasul untuk umat manusia. Sebagaimana kehidupan manusia lain, Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* pernah melalui keadaan yang dirasakan oleh orang lain seperti kelaparan, kehausan dan ketakutan. Namun, semua itu tidak mematahkan semangat dan usaha baginda dalam berdakwah kepada orang yang berada di sekeliling baginda.

Kedua : Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* memiliki perasaan yang amat tinggi terhadap penderitaan dan perasaan umatnya. Baginda sama sekali tidak mahu untuk memberatkan umatnya termasuk juga dalam urusan ibadah. Sebagai contoh, solat tahajjud adalah merupakan suatu kewajipan bagi diri baginda, tetapi tidak diwajibkan kepada umatnya.

Ketiga : Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* mempunyai perasaan yang sangat besar untuk memastikan keselamatan dan

kebahagiaan hidup umatnya. Keselamatan dan dan kebahagiaan dalam kehidupan ini tidak akan diperolehi melainkan dengan cara memastikan umat baginda menuruti perintah dan larangan Allah *subhanahu wata'ala*.

Keempat : Ayat tadi menggambarkan juga tentang sifat Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* yang amat kasih kepada umatnya. Seorang pemimpin yang hebat adalah pemimpin yang selalu memikirkan tentang diri orang lain berbanding dengan dirinya sendirinya. Sifat ini wujud dalam diri Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* yang sentiasa bersikap lemah lembut dan tidak kasar terhadap umatnya. Baginda *sallallahu alaihi wasallam* juga sentiasa bersedia untuk memaafkan dan memohon keampunan buat umatnya.

Kaum muslimin yang berbahagia,

Sebagai rakyat yang bertanggungjawab pula, kita wajib mentaati pemimpin. Dalam konteks negeri, pemimpin yang mesti kita hormati ialah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri. Malah kita juga mestilah menghormati kepimpinan negeri iaitu Jemaah Menteri atau Kabinet Negeri.

Sesungguhnya, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri menjadi tonggak kepada perpaduan yang kukuh dalam kalangan rakyat berbilang kaum dan agama. Ingatlah firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surah an-Nisa', ayat 59:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ ...

Maksudnya: *Wahai orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang yang berkuasa) dari kalangan kamu ...*

As-Syeikh Muhammad Mutawalli asy-Sya'rawi *rahimahullah* menyatakan suruhan taat kepada pemerintah disertakan dengan ketaatan kepada Allah dan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*. Ini menunjukkan bahawa ketaatan kepada pemerintah perlulah didasari dengan ketaatan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* supaya dengan itu masyarakat akan terpelihara dengan keimanan dan dalam masa yang sama mereka juga terhindar daripada penindasan. Justeru, setiap pemerintah itu dituntut untuk menunaikan amanah kepimpinan dengan sempurna dan sentiasa mentaati Allah dan Rasul-Nya.

Imam al-Bukhari *rahimahullah* meriwayatkan hadis, daripada Ibnu Umar *radiallahu anhuma*, bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ مَا لَمْ يُؤْمَرْ بِمَعْصِيَةٍ فَإِذَا أُمِرَ بِمَعْصِيَةٍ فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ))

Maksudnya: *Setiap orang Islam wajib mendengar dan mentaati (pemimpin) dalam perkara yang dia sukai dan perkara yang dia benci, kecuali dia diperintah melakukan maksiat. Maka dia tidak boleh mendengar atau taat.*

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sebelum mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah sama-sama kita

mendoakan semoga Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak sentiasa di bawah payung rahmat Ilahi, diteguhkan keimanan, dilanjutkan usia, dikurniakan kesihatan dan kesejahteraan, dikurniakan taufik dan hidayah serta kekuatan untuk meneruskan pemerintahan negeri. Kita doakan juga agar Sarawak dikekalkan nikmat kestabilan politik dan keamanan, dijauhkan dari segala perbuatan jahat dan fitnah yang boleh membawa malapetaka dan kehancuran.

Sebagai rumusan bagi khutbah pada hari ini, antaranya,

Pertama: Setiap pemimpin seharusnya menjadi contoh dan tauladan kepada masyarakat. Baiknya rakyat adalah cerminan bagi baiknya para pemimpin.

Kedua: Umat Islam berkewajipan untuk mentaati pemimpin dalam segala perkara yang mendatangkan kebaikan kepada agama, rakyat dan tanahair.

Ketiga: Mentaati pemerintah perlulah didasari dengan ketaatan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Saba', ayat 15:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ.

لَقَدْ كَانَ لِسَبَإٍ فِي مَسْكِنِهِمْ آيَةٌ ۖ جَنَّتَانِ عَن يَمِينٍ وَشِمَالٍ ۚ كُلُوا مِن رِّزْقِ رَبِّكُمْ وَأَشْكُرُوا لَهُ ۚ بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ غَفُورٌ (١٥)

Maksudnya: Demi sesungguhnya, adalah bagi penduduk negeri Saba', satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) yang terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu: dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur), yang terletak di sebelah kanan dan di sebelah kiri (kampung mereka). (Lalu dikatakan kepada mereka): "Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepadaNya; (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun!.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada musim hujan ini, khatib ingin mengingatkan pada jemaah sekalian, agar sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga dan berwaspada terhadap kemungkinan berlakunya banjir di tempat masing-masing. Justeru, patuhilah arahan yang dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa dari semasa ke semasa.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَى اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّدِينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الْمُعْتَدِينَ الظَّالِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ
أَعْدَاءَ الدِّينِ. اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِينَ الَّذِينَ قَتَلُوا إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ
فِي فَلَسْطِينَ، اللَّهُمَّ بَدِّدْ شَمْلَهُمْ وَفَرِّقْ جَمْعَهُمْ، وَشَتِّتْ كَلِمَتَهُمْ، وَزَلِّزْ
أَقْدَامَهُمْ، وَسَلِّطْ عَلَيْهِمْ كَلْبًا مِنْ كِلَابِكَ، يَا قَهَّارُ يَا جَبَّارُ، يَا مُنْتَقِمُ، يَا اللَّهُ
يَا اللَّهُ يَا اللَّهُ.

اللَّهُمَّ يَا مُنْزِلَ الْكِتَابِ، وَيَا مُجْرِي السَّحَابِ، وَيَا هَازِمَ الْأَحْزَابِ، إِهْزِمْهُمْ
وَإَنْصُرْنَا عَلَيْهِمْ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا فِي كُلِّ مَكَانٍ وَخُصُوصًا فِي بِلَادِ فَلَسْطِينَ، وَارْفَعْ عَنْهُمْ
الْقَحْطَ وَالْبَلَاءَ وَالْحَرْبَ وَالْإِعْتِدَاءَ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khususnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.